



Nilai toleransi dalam Mata Pelajaran Umum Menurut Perspektif Pelajar

ATEERAH ABDUL RAZAK, SHAHRIMAN ABU BAKAR, NUR AZUKI YUSUFF, NOOR HISHAM MD NAWI,
BURHAN CHE DAUD

*Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kampus Bachok, 16300, Bachok
Kelantan*

Email: ateerah@umk.edu.my | Tel:+601110874681

Received: January 30, 2022

Accepted: February 12, 2022

Online Published: March 01, 2022

Abstrak

Mata Pelajaran Umum (MPU) terdiri daripada beberapa kursus yang diwajibkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi seperti kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP) dan Falsafah dan Isu Semasa (FIS). Ia diperkenalkan dengan tujuan untuk mempersiapkan mahasiswa agar menghayati etika, peradaban serta nilai murni dalam meraikan kepelbagaian masyarakat di Malaysia. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pandangan pelajar yang telah mengambil kursus PEP dan FIS dari aspek keberkesanan kursus tersebut dalam kehidupan mereka. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu dengan mengedarkan instrumen soal selidik kepada 1837 orang pelajar Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 23.0. Hasil kajian mendapati bahawa pelajar mengakui nilai toleransi wujud dalam kurikulum MPU dan ia mampu mendidik pelajar mengaplikasikan nilai murni dalam kehidupan seharian. Kajian ini mencadangkan agar penambahbaikan dari aspek penyampaian kandungan kursus MPU supaya nilai toleransi dapat diperkukuh untuk dihayati oleh pelajar dan diaplikasikan dalam kehidupan harian di masa akan datang.

Kata Kunci: Penghayatan Etika dan Peradaban, Falsafah dan Isu Semasa, Toleransi, Kepelbagaian, Mata Pelajaran Umum.

1. Pengenalan

Mata Pelajaran Umum (MPU) diperkenalkan untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa agar dapat menerapkan nilai murni dalam kehidupan seharian mereka. Selain itu juga, ia diwujudkan supaya setiap pelajar yang terdiri daripada kepelbagaian kaum dapat memahami budaya masyarakat lain dan menanam nilai toleransi dan persefahaman antara satu sama lain (Ng & Iswandi, 2017). Kini, MPU yang telah ditambah baik dari segi kandungan dan tajuk kursus, antaranya ialah Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dan juga Penghayatan Etika dan Peradaban (PEP).

Sebagai contoh, kursus PEP adalah berkait rapat dengan sejarah yang berlaku di Tanah Melayu dan kandungannya juga sesuai dengan aplikasi terhadap nilai toleransi khususnya kepada masyarakat berbilang kaum di Malaysia kini. Manakala kursus FIS pula berkonsepkan pengenalan terhadap falsafah dalam kehidupan dan ia juga mendedahkan kepada pelajar bagaimana cara berfikir secara kritis (Mohd Danial, 2020). Ini menunjukkan bahawa kedua-dua kursus ini dapat membuka minda pelajar supaya terus maju dalam menghadapi cabaran pada masa hadapan. Selain itu juga, matlamat penubuhan kursus-kursus MPU juga adalah selari dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang bertindak sebagai medium untuk merealisasikan konsep integrasi nasional termasuklah dari segi kesedaran sejarah, toleransi dan kecaknaan setiap individu untuk memikul tanggungjawab terhadap masa depan negara. Ia juga diharapkan agar pewaris negara mampu menanamkan nilai kekitaan dan perpaduan pada masa akan datang (Noor Aziera et al., 2020).

2. Sorotan Literatur

Toleransi diambil daripada bahasa Latin iaitu *tolerantia* yang merujuk kepada kelembutan hati, kelonggaran, sukarela dan berlapang dada (Apriliani & Ghazali, 2016). Ia juga merujuk kepada kesanggupan seseorang untuk menjalin hubungan baik dan tinggal bersama orang yang mempunyai sosio-budaya yang berbeza (Jaffary dan Ibrahim, 2015). Kemudian, toleransi juga didefinisikan sebagai pegangan hidup masyarakat yang tidak fanatik, mempunyai minda yang terbuka, tidak mementingkan diri sendiri, muafakat dan tolak ansur (Abd Malik, 2015).



Selain itu juga, toleransi juga berkait rapat dengan individu yang tidak memberi tekanan untuk mengubah kepercayaan orang lain dan menghormati pandangan orang lain tanpa ada sebarang prejudis (Khadijah dan Mohd Herzali, 2015). Ini menunjukkan bahawa konsep toleransi ini juga berlaku dalam aspek hubungan ekonomi, sosial dan juga politik. Ia perlu dipupuk dalam diri setiap individu memandangkan kerencaman masyarakat di Malaysia sangat unik dan keperluan untuk bertolak ansur amat kritikal di negara ini. Kajian yang berkaitan sikap toleransi dalam beragama banyak dilakukan khususnya kepada masyarakat Malaysia. Antaranya ialah kajian yang berkaitan dengan hubungan antara toleransi dalam beragama dan hubungan amalan setiap etnik di Malaysia. Kajian ini menunjukkan bahawa kaum Melayu mempunyai tahap toleransi beragama yang lebih tinggi berbanding kaum Cina dan India. Kajian ini juga membuktikan bahawa secara puratanya, responden berpandangan bahawa mereka saling menghormati antara satu sama lain dan melayan setiap individu dengan rasa hormat (Muda et al., 2018).

Toleransi Menurut perspektif Islam

Dalam Bahasa Arab, toleransi disebut sebagai tasamuh, dan ia telah didaftarkan sebagai entri di dalam Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Ia merujuk kepada sikap berlapang dada, minda yang luas serta nilai kesabaran. Islam sentiasa menggalakkan amalan yang memberikan kebaikan dan kedamaian, justeru Islam menganjurkan untuk mempraktikkan amalan toleransi dalam meraikan kepelbagaian masyarakat. Hal ini juga selari dengan negara Malaysia yang dihuni oleh bangsa plural yang kaya dengan keunikan budaya, bahasa dan latar belakang. Selain tu, masyarakat yang pluralistik haruslah mempunyai budaya yang harmoni dan mengamalkan nilai sabar, bertolak ansur dan dapat menerima pandangan individu yang berbeza pendapat (Khadijah et al., 2017).

Dari aspek toleransi dalam kepelbagaian kaum juga, setiap individu perlu mempunyai sikap adil dan menerima hak mereka dalam perbezaan kepercayaan. Ia juga merangkumi sikap memahami hak golongan majoriti dan minoriti serta menjauhi sikap taksub dan radikal. Berdasarkan model yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW, setiap individu mampu menilai bagaimana baginda melayan ahli keluarga yang tidak memeluk agama Islam dan juga kepada bekas musuh Islam. Nabi SAW juga melarang orang Islam daripada bertindak zalim, keras dan keterlaluan terhadap mereka (Wan Syatirah & Zuliana, 2020). Ini menunjukkan nilai kesamarataan (Musawah), kerjasama (Ta'awun) dan keadilan (Al-'Adalah) dalam meraikan kepelbagaian masyarakat di sesebuah negara mampu menghasilkan masyarakat yang mengamalkan nilai toleransi dalam kehidupan seharian.

Terdapat beberapa ayat di dalam al-Quran yang membincangkan mengenai konsep toleransi, antaranya ialah surah al-Baqarah ayat 256. Ayat tersebut menerangkan bahawa tidak perlu ada paksaan terhadap seseorang untuk memeluk agama Islam (Ibn Kathir, 2004). Ini menjelaskan bahawa Islam sangat mementingkan nilai kebersamaan yang ada dalam masyarakat, justeru semangat toleransi perlu dipraktikkan supaya nilai kebersamaan boleh diamalkan tanpa mengira perbezaan agama dan kaum.

3. Metodologi

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti padangan pelajar terhadap kursus FIS dan PEP terhadap keperibadian mereka. Objektif kajian ini merangkumi penerapan beberapa nilai murni, antaranya adalah nilai toleransi. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu dengan mengedarkan instrumen soal selidik melalui google form kepada 1837 orang pelajar UMK yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Kemudian, data ini dianalisis oleh perisian SPSS. Soal selidik yang dibina meliputi item yang berkaitan dengan kandungan dan kerelevanan, cara penyampaian kursus, dan kesan kepada keperibadian pelajar. Data dianalisis untuk melihat nilai min, iaitu untuk mengetahui tahap persetujuan pelajar dengan item yang berkaitan. Kemudian, dapatan kajian yang berkaitan dengan jawapan responden dijelaskan dalam jadual yang berkaitan.

4. Dapatan Kajian

Jadual 1 merupakan item yang diguna pakai serta nilai min yang diperolehi. Item tersebut menganalisis sama ada pelajar mampu memahami kandungan kursus dengan jelas atau sebaliknya. Selain itu, item juga dibina untuk mengukur sama ada kursus yang dibina dapat membentuk personaliti pelajar. Kemudian, item yang diguna pakai juga bertujuan mengenal pasti sama ada pelajar mampu mengaitkan kandungan kursus dengan kehidupan seharian mereka. Manakala item berikutnya dibina untuk mengukur sama ada kursus MPU memenuhi keperluan masyarakat dan negara. Selain daripada kandungan kursus, item yang terdapat dalam Jadual 1 juga untuk memastikan cara penyampaian dan penilaian kandungan kursus mampu memberi kesan yang efektif kepada para pelajar. Seterusnya, item yang dibina juga adalah bertujuan mengukur sama ada MPU mampu memberi kesan yang baik dalam kehidupan pelajar.



Jadual 1: Item soal selidik kajian

No.	Bahagian B	Min	SP
B1	Saya memahami objektif kursus ini dengan jelas.	5.99	1.04
B2	Objektif kursus ini penting untuk membentuk keperibadian saya.	6.15	1.00
B3	Objektif kursus ini relevan dengan keperluan pengajian saya.	5.95	1.15
B4	Kandungan kursus ini sesuai dengan objektif yang ingin dicapai.	6.06	1.03
B5	Kandungan kursus ini membincangkan perkara-perkara yang diperlukan dalam kehidupan saya.	6.11	1.04
B6	Isu-isu yang dibincangkan dalam kursus sesuai dengan keperluan masyarakat dan negara.	6.25	0.95
B7	Aktiviti dan penyampaian kursus adalah menarik.	6.05	1.10
B8	Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan berkesan untuk membina peribadi saya.	6.03	1.08
B9	Kaedah penilaian dan tugas kursus mengukuhkan lagi kefahaman saya terhadap topik-topik yang diajar.	6.07	1.03
B10	Pembelajaran dalam talian sepanjang tempoh pandemik berjaya mengekalkan kualiti pengajaran kursus ini.	5.48	1.34
B11	Kursus ini memberi kesan positif kepada kehidupan saya.	6.08	1.04
B12	Saya dapat mengamalkan apa yang dipelajari dalam menghadapi pelbagai situasi dan cabaran kehidupan.	5.91	1.07
B13	Kursus ini membentuk diri saya menjadi insan yang seimbang dalam aspek jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI) serta mencintai negara.	6.05	1.04
B14	Kursus ini berupaya memupuk semangat toleransi dan hormat menghormati antara pelbagai kaum dan agama.	6.21	0.96
B15	Kursus ini bermanfaat dan wajar diteruskan pada masa hadapan	6.22	1.03

Jadual 1 menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi item yang berkaitan dengan soal selidik. Nilai min digunakan untuk menganalisis sama ada nilai yang mewakili sesuatu item dan jawapan responden adalah bertaburan sekitar nilai tersebut. Manakala sisihan piawai pula digunakan untuk mengukur kadar taburan jawapan responden sama ada ia bertaburan secara homogen atau sebaliknya (Shuhairy, 2019). Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa nilai min adalah tinggi dan sisihan piawai adalah bersifat homogen. Ini menunjukkan secara keseluruhan, pelajar bersetuju dengan item-item tersebut. Berdasarkan item yang terdapat dalam Jadual 1, didapati bahawa kandungan kursus PEP dan FIS mampu memberi kefahaman yang baik kepada pelajar. Dapatan kajian ini sangat berkait rapat dengan matlamat pembinaan MPU yang terdahulu seperti Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), iaitu kandungannya dibentuk untuk menanam nilai toleransi dalam kalangan mahasiswa (Habibah dan Norshahrul, 2020).

Selain itu juga, didapati bahawa responden bersetuju bahawa kandungan kursus mampu membantu mereka dalam menghadapi situasi dan cabaran kehidupan seharian. Kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat penambahbaikan dari segi kerelevanan kursus MPU berbanding kursus terdahulu seperti TITAS. Hal ini kerana kajian lepas mendapati bahawa kajian mendapati bahawa tahap relevan kursus TITAS adalah hanya di peringkat sederhana (Bani Hidayat & Nor Hayati, 2015). Justeru, kajian ini mendapati bahawa kursus PEP dan FIS mencakupi keperluan pelajar dalam menghadapi realiti kehidupan masing-masing. Kemudian, kajian ini juga dijalankan untuk mengenal pasti perspektif pelajar terhadap keberkesanan kursus PEP dan FIS. Jadual 2 menunjukkan tahap perbezaan jawapan responden antara kedua-dua kursus tersebut.



Jadual 2: Tahap Keberkesanan Kursus

Kursus	N	Mean	SD	t	df	sig.
Falsafah & Isu Semasa	443	6.14	0.82	2.870	834.476	0.004
Penghayatan Etika & Peradaban	1394	6.01	0.93			

Berdasarkan analisis independent t-test yang terdapat dalam Jadual 2, dapatan menunjukkan bahawa terdapat perbezaan skor min yang signifikan di antara kursus Falsafah & Isu Semasa dan Penghayatan Etika & Peradaban [df=834.48, t=2.870, p<0.05]. Skor min bagi responden yang mengambil kursus Falsafah & Isu Semasa [6.14±0.82] adalah lebih tinggi daripada skor min responden yang mengambil kursus Penghayatan Etika [6.01±0.93].

Kajian ini menunjukkan bahawa lebih ramai responden bersetuju bahawa kursus FIS lebih memberi kesan dalam kehidupan mereka. Ini disebabkan oleh kaedah susunan kandungan kursus yang mempunyai tema tertentu. Sebagai contoh, kursus FIS berjaya mendedahkan beberapa elemen kemahiran dan sub kemahiran yang mampu membentuk dan menerapkan pemikiran kritis dalam modul pengajian kursus tersebut (Syamsul Azizul et al., 2021). Manakala kursus PEP pula mendedahkan kefahaman mengenai sejarah Malaysia yang merangkumi komponen yang berkaitan dengan hak keistimewaan kaum tertentu. Justeru, nilai toleransi dalam kursus PEP dilihat perlu lebih diterapkan supaya para pelajar dapat mengaplikasi nilai tersebut dalam kehidupan mereka.

Jadual 3: Pandangan kursus berdasarkan pembahagian kaum

Kaum	N	Mean	SD	F	Sig.
Bumiputera Sabah / Sarawak	82	6.11	0.76	13.559	0.000
Cina	171	5.56	1.06		
India	101	6.18	0.91		
Lain-lain	22	6.07	1.00		
Melayu	1461	6.08	0.88		
Total	1837	6.04	0.91		
DF=4,1832					

Jadual 3 menunjukkan tahap perbezaan pandangan terhadap keberkesanan kursus berdasarkan kaum tertentu. Hasil kajian mendapati bahawa setiap kaum mempunyai persepsi yang berbeza [DF 4,1832=13.559, p<0.05]. Keputusan ujian post hoc menunjukkan kaum cina memandang kursus ini kurang penting berbanding kaum bumiputera Sabah / Sarawak [6.11±0.76], India [6.18±0.91] dan Melayu [6.08±0.88].

Kajian ini juga selari dengan kajian lepas yang menunjukkan bahawa kaum Cina mempunyai tahap toleransi beragama yang paling rendah berbanding kaum lain (Muda et al., 2018). Ini menunjukkan bahawa konsep keseimbangan sosial perlu difahami oleh setiap kaum. Contohnya formula yang digunakan dalam kontrak sosial yang melibatkan kepelbagaian kaum perlu diberi perhatian oleh masyarakat yang terdiri daripada kepelbagaian kaum dan agama. Sebagai contoh, kaum bukan Melayu perlu tulus menerima bahawa orang Melayu adalah pemilik sah negara ini dan tidak boleh dipersoalkan lagi. Selain itu, kaum bukan Melayu juga perlu memahami sistem kenegaraan Melayu dan pengaruhnya terhadap negara. Namun demikian, hak orang bukan Melayu juga perlu diraikan memandangkan mereka telah lama bermastautin dan membesar di Malaysia (Hasnah Hussin, 2019).

5. Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian yang ditunjukkan, didapati bahawa terdapat perbezaan penerimaan terhadap kandungan kursus PEP. Walaupun nilai min yang diperolehi adalah tinggi, namun beberapa inisiatif perlu diambil terutama dari golongan pendidik supaya penerangan mengenai kandungan kursus dapat memupuk nilai toleransi dan bertolak ansur yang lebih baik, terutama dalam kalangan pelajar Cina. Konsep toleransi perlu disemaikan kepada semua kaum kerana secara semulajadinya, setiap individu diciptakan berbeza dari segi penampilan, perwatakan, tingkah laku. Selain itu,



nilai toleransi perlu disemaikan kepada para mahasiswa memandangkan mereka perlu bersedia belajar sesuatu yang baharu dari segi cara berfikir dan juga pembentukan tingkah laku. Ini kerana kajian yang berkaitan dengan toleransi dalam beragama juga didapati berada pada tahap yang sederhana (Khadijah, Khairul & Fazilah, 2018). Ini membuktikan bahawa beberapa usaha yang berkaitan penanaman nilai toleransi perlu ditambah baik untuk memastikan setiap individu dapat meraikan kerencaman masyarakat di Malaysia.

Selain itu juga, kajian ini mendapati bahawa nilai toleransi perlu disemai bagi mengambil kira penganut agama yang berbeza di negara Malaysia sekali gus mengelakkan unsur diskriminasi dan prasangka dalam kalangan mahasiswa (Ahmad Tarmizi et al, 2013). Usaha ini juga perlu bermula dengan sikap tolak ansur dan setiap individu yang berbeza agama tidak boleh menyentuh isu yang menimbulkan sensitiviti agama (Mohd Roslan, 2011). Ini disebabkan oleh punca yang menyebabkan kurangnya nilai toleransi, contohnya dalam beragama adalah disebabkan oleh kurangnya sikap menghormati hak orang Islam oleh penganut agama lain (Khadijah & Mohd Herzali, 2008; Khadijah, Kahirul & Fazilah, 2018). Disamping itu, tidak disangkal bahawa kefahaman terhadap agama secara lebih mendalam juga adalah kurang (Nur Farhana & Khadijah, 2013). Justeru, beberapa faktor ini perlu diberi perhatian untuk memastikan nilai toleransi tidak terhakis khususnya dalam kalangan mahasiswa.

Berdasarkan perbincangan di atas, didapati bahawa nilai toleransi juga merupakan salah satu teras utama dalam pembinaan etos bangsa. Ini adalah kerana nilai tersebut menjadi pemangkin dalam menghasilkan perpaduan, kesepaduan dan penyatupaduan dalam kalangan masyarakat di Malaysia (Mohd Azmir, 2019). Bagi kaum Melayu, mereka akui dalam menerima, memberi dan berkongsi tanah air dengan masyarakat lain seperti Cina dan India (Ayu, Mohamed Ali & Wayu, 2019). Justeru, pengetahuan mengenai sejarah amat perlu untuk didedahkan kepada para mahasiswa agar kerancangan pembangunan sosio-ekonomi dapat membantu kelestarian negara pada masa akan datang. Selain itu juga, integrasi etnik perlu dipupuk supaya tidak bersifat perkauman. Ini kerana terdapat beberapa agensi seperti institusi pendidikan, media, parti politik dan pertubuhan bukan kerajaan juga bertindak mencengkam budaya politik setiap etnik di Malaysia (Abang Mohd Razif et al., 2021). Justeru, isu seperti ini juga boleh memberi pengaruh negatif kepada mahasiswa dan seterusnya mengurangkan nilai toleransi sesama mereka.

Antara isu yang boleh menghapus nilai toleransi adalah pengaruh daripada bibit-bibit ketegangan yang timbul semasa Pasca Pilihanraya Umum (PRU) ke-14 yang menimbulkan ketidakpuasan hati kepada beberapa perkara. Antaranya ialah isu yang berkaitan dengan agama, iaitu ia sering dijadikan modal untuk menimbulkan konflik antara kaum tertentu (Khairul et al., 2020).

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dapat disimpulkan bahawa sejarah pada zaman kolonial sedikit sebanyak telah menyumbang kepada kepelbagaian etnik di Malaysia. Justeru, nilai toleransi yang berprinsip amat perlu diterapkan dalam kalangan pelajar kerana ia tidak melonggarkan prinsip asas agama masing-masing dalam mewujudkan persefahaman dan keharmonian antara kaum (Enizahura, 2020). Walaupun kajian lepas membuktikan bahawa tahap toleransi khususnya dalam beragama dalam kalangan kaum di Malaysi adalah masih kabur (Khadijah, 2008), namun terdapat peningkatan yang lebih positif beberapa tahun kemudian. Ini dibuktikan dengan kajian Siti Aidah et al., (2021) yang menyatakan bahawa keharmonian hubungan antara setiap etnik masih boleh dipertahankan walaupun berhadapan dengan pelbagai krisis dan norma baharu khususnya di Malaysia.

Justeru, walaupun pelajar bersetuju bahawa terdapat nilai toleransi yang mereka boleh amalkan setelah mempelajari kursus MPU, namun kursus ini perlu ditambah baik dari aspek penyampaian kandungan terutama kursus PEP. Ini adalah untuk memastikan pelajar yang berbilang kaum dapat menyemai nilai toleransi dan mengaplikasi nilai tersebut di masa akan datang. Usaha ini adalah untuk menghadapi kerencaman masyarakat yang mempunyai pelbagai cabaran hidup dan mereka adalah terdiri daripada pelbagai latar belakang kehidupan (Ruhaizah & Jaffary, 2020). Oleh itu, nilai tasamuh atau toleransi diharapkan akan menjadi komponen yang penting dalam menangani krisis sosial, agama dan pembangunan dalam sesebuah negara.

Penghargaan

Kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Universiti Malaysia Kelantan kerana telah memberi sumbangan kewangan dalam menjayakan kajian ini. Kami juga ingin memberi penghargaan kepada Pusat pemikiran Keamanan dan Kesejahteraan Insan (PEMIKIR) daripada Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan kerana turut terlibat sama dalam penerbitan kajian akademik ini. Kajian ini diharap dapat dimanfaatkan dan dijadikan sebagai rujukan untuk penambahbaikan Mata Pelajaran Umum di masa akan datang.



Rujukan

- Abd. Malik Usman. 2015. Islam rahmah dan wasathiyah (paradigma keberislaman inklusif, toleran dan damai). *Humanika*, 15(1): 1-12
- Ahmad Tarmizi Talib, Sarjit S. Gill, Zaid Ahmad, B. Jayum A.J. & Nur Ayuni, M.I. (2013). Toleransi Sosio-Agama di Sabah dan Sarawak. *Malaysia Journal of Youth Studies*, 9, 83-90.
- Apriliani, I., & Ghazali, H. (2016). Toleransi Remaja Islam Kepada Pemeluk Agama yang Berbeda: Studi Ekstrakurikuler Rohani Islam (Rohis) SMA di Bekasi, Jawa Barat. *At-Tarbawi: Jurnal Kajian Kependidikan Islam* 1(1): 1-22.
- Ayu, N.A., Mohamed Ali, H., Wayu, N.A. (2019). Toleransi orang Melayu mengharmonikan pemajmukan kaum di Malaysia. *Jurnal Melayu* 194, 18(2): 193-206.
- Bani Hidayat, M.S., Nor Hayati, F.T. (2015). *Kerelevanan isi kandungan kurikulum TITAS dengan objektif kurikulum TITAS, satu sorotan kajian*, International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship 12-14 Oktober 2015, Langkawi. Practicality of Islamic Alternatives: Issues and Challenges, 219-230.
- Enizahura, A.A. (2020). Toleransi berprinsip menurut kerangka maqasid shari'ah dalam interaksi masyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 2(4): 19-26, e-ISSN: 2682-8251.
- Habibah, R., Norshahrul, M. (2020). Kursus Tamadun Islam Dan Tamadun Asia (Titas) Sebagai Medium Pembentukan Toleransi Etnik Di Universiti Malaysia Sabah (UMS): Satu Analisis Keperluan. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 5(35): 81-91 DOI 10.35631/IJEPC.535009
- Hasnah Husiin. (2019). Menjana Modal Insan Melalui Kursus Hubungan Etnik, <http://www.academia.edu>, diakses pada 17 Januari 2022.
- Ibn Kathir. (2004). Tafsir Ibn Kathir (Jilid 1). Bogor: Pustaka Imam Al- Syafi'e.
- Jaffary Awang & Ibrahim Abu Bakar. 2015. Toleransi beragama dan hubungannya dengan amalan pela gandong dalam kalangan muslim dan kristian di ambon. *Jurnal Al-Hikmah* 1: 3-16.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Online. (2022). <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=tasamuh>, diakses pada 6 Januari, 2022.
- Khadijah, M.K., Mohd Herzali, M.H. (2015). Toleransi beragama dan amalannya di Malaysia: Rujukan kepada artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 27(27): 81-92.
- Khadijah, M.K., Azarudin, A., Suraya, S., Nur Farhana, A.R., Wan Adli, W.R. & Khairul Nizam, M.K. (2017). Muhajir penjana interaksi dan toleransi beragama saudara baru-Muslim-non-Muslim. *Akademika*, 87(2): 63-76.
- Khadijah, M.K. (2008). Toleransi beragama dan amalannya di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 27: 81-92.
- Khadijah, M., Khairul, A.M. & Fazilah, I. (2018). Pengalaman Toleransi Beragama Belia Pelbagai Etnik. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 5(1): 100-107.
- Mohd Azmir, M.N. (2020). *Toleransi teras pembinaan etos bangsa Malaysia*. Pusat Pengajian Teras & Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia, file:///C:/Users/ACER/Downloads/ToleransiTerasPembinaanEtosBangsaMalaysia-Abstrak.pdf, diakses pada 7 Januari 2022.
- Mohd Danial. (2020). *MPU 3182: Jurnal Falsafah Dan Isu Semasa*, https://www.researchgate.net/publication/349061537_Cabang_falsafah_dan_isu_semasa/citation/download, diakses pada 16 Januari, 2022.
- Mohd Roslan Mohd Nor. (2011). Religious tolerance in Malaysia: An overview. *Middle East Journal of Scientific Research*, 9(1): 23-27.
- Muda, K., Tohar, S. N. A., Yacob, S. N. M., & Rahman, R. A. (2018). The relationship between religious tolerance and ethnic relation practices among multi-ethnic youth in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(6), 475-486.
- Ruhaizah, A.G & Jaffary, A. (2020). Perbandingan Tasamuh dengan Toleransi sebagai Pendekatan Praktikal Menangani Isu Konflik. *Akademika* 90(1): 15-23, <https://doi.org/10.17576/akad-2020-9001-02>
- Shuhairy, N. (2019). Apa Maksud Sisihan Piawai? Penting ke Nak Lapor? Pascasiswazah, <https://www.pascasiswazah.com/apa-maksud-sisihan-piawai-penting-ke-nak-lapor/>, diakses pada 16 Januari, 2022.
- Syamsul Azizul, M., Abang Mohd. Razif, A.M., Mohd. Sohaimi, E., Irma Wani, O., Habibah @ Artini, R., Saifulazry, M., Muhammad Safuan, Y. (2021). Pengajaran kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam membentuk pemikiran kritis: Penelitian terhadap modul kursus FIS di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PIIB), Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6(39): 137-149, doi: 10.35631/IJEPC.639009
- Wan Syatirah, W.S., Zuliana, Z. (2020). Kesamarataan/musawah, kerjasama/taa'wun, keadilan/al-'adalah: Perpaduan dalam membentuk keamanan umat Islam di Malaysia. *Proceedings of the 7 th International Prophetic*



-
- Conference (SWAN) 2020 Paper No. BM005 FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia, 29-30 October 2020, 183-202.*
- Siti Aidah, L., Mohd Sohaimi, E., Abang Mohd Razif, A.M., Romzi, A., Budi Anto, M.T., Irma Wani, O., Saifulazry, M. (2021). Kaedah dan cabaran dalam mengurus hubungan etnik di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23): 115-124, DOI 10.35631/IJLGC.623008,
- Abang Mohd Razif, A.M., Mohd Sohaimi, E., Romzi, A., Budi Anto M.T., Jais, A.H., Saifulazry, M., Irma Wani, O. (2021). Konsep integrasi etnik dari perspektif pembangunan berteraskan Islam di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23): 104-114, DOI 10.35631/IJLGC.623007
- Khairul, A.M., Muhammad Ikhlas, R. & Syamsul Azizul, M. (2020). Pendekatan wasatiyyah dalam interaksi inter-agama di Malaysia. *Manu*, 31(2): 19-46. E-ISSN 2590-4086.
- Ng, M.Y., Iswandi, H. (2017). *Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) peneraju transformasi pendidikan holistik*, National Pre-University Seminar 2017 (NpreUS2017) RHR Hotel, 23 Ogos 2017 E-ISBN: 978-967-2122-11-1.
- Noor Aziera, M.R., Siti Nurul, I., Norafifah, A.H., Mohd Faizal, P.R., Norizah, M. (2020). Pelaksanaan subjek hubungan etnik tanpa peperiksaan akhir di UiTM cawangan Melaka, *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 1(20): 18-34.